

D672

U B085 AAB
MAHATHIR - MAJORITI R'R'R'

JITRA, 20 OKT (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL (BN) AKAN MENCATAT KEMENANGAN BESAR DENGAN MEMPEROLEHI MAJORITI DUA PERTIGA PADA PILIHAN RAYA UMUM ESOK, DEMIKIAN DISIMPULKAN OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGAKHIRI SIRI KEMPEN KE SELURUH NEGARA HARI INI.

BELIAU YAKIN BAHAWA BN AKAN MENCATAT KEMENANGAN BESAR DI SELURUH NEGARA KECUALI MUNGKIN MENGHADAPI SEDIKIT MASALAH DI KELANTAN, YANG MENURUTNYA, MEMPUNYAI +FAKTOR LUAR BIASA.+

SUNGGUHPUN NEGERI ITU MEMPUNYAI +FAKTOR LUAR BIASA+ TETAPI BN YAKIN AKAN MEMENANGI BEBERAPA KERUSI DI KELANTAN, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI JAMUAN TENGAH HARI DI KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, DATUK SYED ZAIN SYED ABDULLAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG ENGGAN MENGHURAIKAN +FAKTOR LUAR BIASA+ ITU, BAGAIMANAPUN BERKATA, KEMENANGAN MAJORITI DUA PERTIGA SEBENARNYA TERLETAK PADA KUASA TUHAN.

+KITA DAH BUAT PENILAIAN, BAGI KITA TIDAK ADA SATU SEBAB KENAPA KITA TAK BOLEH DAPAT (MAJORITI DUA PERTIGA) TETAPI AKHIRNYA BUKAN KITA YANG NAK TENTUKAN. KALAU TUHAN KATA NAK JADI, JADILAH. KALAU TUHAN IZIN, JADILAH,+ KATANYA. -- LAGI.

1719MST 20 10 90

D673

U B086 AAB
MAHATHIR - MAJORITI 2 JITRA R'R'R'

KETIKA DITANYA MENGENAI ISU AGAMA YANG DITIMBULKAN DALAM KEMPEN PILIHAN RAYA KALI INI YANG MUNGKIN MENYEBABKAN KETEGANGAN DAN APAKAH LANGKAH KERAJAAN UNTUK MEREDAKANNYA, BELIAU BERKATA, KERAJAAN TIDAK MENIMBULKAN ISU AGAMA.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN TIDAK DAPAT MENGHALANG ORANG RAMAI DARIPADA MENGELUARKAN PENDAPAT, KATANYA.

+MASA PILIHAN RAYA KITA CUBA BENDUNG TETAPI DI TEMPAT-TEMPAT TERPENCIL IA MENJADI ISU JUGA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, KETEGANGAN YANG MUNGKIN TIMBUL AKIBAT ISU AGAMA ITU DAPAT DISELESAIKAN SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM INI SEKIRANYA BN MENANG DENGAN MAJORITI DUA PERTIGA TETAPI SEBALIKNYA MASALAH ITU AKAN MENJADI SUKAR SEKIRANYA BN MENANG SEDIKIT. -- BERNAMA.

1721MST 20 10 90